	Undang - Undang Kecil Pelesenan Tred (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2015	M.P.U 21	31 Disember 2015
12.	Kaedah-Kaedah Jawatankuasa Tatatertib Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya 2011	M.P.U 18	28 April 2011
13.	Kaedah-Kaedah Pegawai Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (Kelakuan dan Tatatertib) 2011	M.P.U 19	28 April 2011
14.	Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2011	No. 25	25 Ogos 2011
	Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2012	No. 19	29 Mac 2012
	Undang-Undang Kecil Hotel (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) (Pindaan) 2017	No. 21	21 Disember 2017
15.	Undang-Undang Kecil Taman (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2011	No. 9	19 Januari 2012
16.	Undang-Undang Kecil Iklan Pilihanraya (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2011	No. 10	19 Januari 2012
17.	Undang-Undang Kecil Pasar-Pasar (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2012	No. 20	10 Mei 2012
18.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Haiwan Ternakan (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2012	M.P.U. 24	21 Jun 2012
19.	Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 2001	No. 5	27 Disember 2001
	Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Negeri Melaka) 2012	M.P.U 25	21 Jun 2012
20.	Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing dan Rumah Pembiakan Anjing (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2013	M.P.U 10	15 Ogos 2013
21.	Undang-Undang Kecil Pengurangan Fi Lesen (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2013	M.P.U. 22	24 Oktober 2013
22.	Perintah Lalu Lintas Jalan (Peruntukan Tempat Perhentian Bas) (Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya) 2013	M.P.U. 26	19 Disember 2013

**JADUAL BERIKUT ADALAH PENCAPAIAN SEKSYEN GUBALAN / NASIHAT
SEPANJANG TAHUN 2020**

Bil.	Perkara	Jumlah
1.	Pewartaan Bajet MPHTJ	1
2.	Pewartaan Penyata Kewangan Tahunan dan Laporan Audit MPHTJ	1
3.	Pewartaan Pindaan Undang-Undang Kecil • Undang-Undang Kecil Hotel (MPHTJ) (Pindaan) 2017	1
4.	Penyediaan Perjanjian bagi jabatan-jabatan di MPHTJ • Jabatan Khidmat Pengurusan - 26 • Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta - 80 • Jabatan Penguatkuasaan - 1 • Jabatan Landskap - 26 • Unit Penswastaaan - 5	138

5.	Semakan Perjanjian yang disediakan oleh panel peguam <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Khidmat Pengurusan - 2 • Jabatan Kewangan - 1 • Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta - 2 • Jabatan Landskap - 1 • Unit Penswastaaan - 1 • Unit Teknologi Hijau - 1 	8
----	--	---

FUNGSI SEKSYEN PENDAKWAAN/MAHKAMAH

- Menjalankan pendakwaan
- Menyediakan borang pengaduan, saman dan kertas pertuduhan
- Menyediakan afidavit penyampaian kepada pihak berkuasa tempatan (luar kawasan pentadbiran MPHTJ) dan surat kepada balai polis untuk penyempurnaan saman
- Menyemak bayaran mengikut no.Kompaun sebelum perbicaraan dijalankan
- Menyediakan surat izin mendakwa (sanksi) kepada timbalan pendakwa raya untuk difailkan ke mahkamah
- Menyediakan surat permohonan waran tangkap bagi saman-saman yang telah disempurnakan
- Menguruskan serahan saman di dalam kawasan dan di luar kawasan bagi pihak Majlis serta Pihak Berkuasa Tempatan daerah atau negeri lain
- Merekod kes harian, sebutan, bicara, waran tangkap dalam diari dan sistem data
- Mendaftarkan kes-kes mahkamah
- Merekod dan mengemaskini buku kausa (buku daftar kes)
- Menerima bayaran denda dan mengeluarkan resit rasmi bagi denda Mahkamah
- Menyediakan laporan harian/mingguan/bulanan kepada Majistret/Pendaftar/Hakim Mahkamah
- Mengemaskini maklumat/status kes ke dalam sistem SPUK/SPLK
- Merujuk panel peguam mengeluarkan notis tuntutan tunggakan sewa/cukai dan meneruskan prosiding sivil sekiranya tiada bayaran dibuat.
- Merujuk kepada panel peguam bagi kes saman yang diterima oleh MPHTJ

PENCAPAIAN SEKSYEN PENDAKWAAN / MAHKAMAH SEPANJANG TAHUN 2020

PENDAKWAAN KES DI MAHKAMAH

Bil	Jumlah Pendaftaran Fail Ke Timbalan Pendakwa Raya (TPR)	Jumlah Pendaftaran Kes Ke Mahkamah Majistret MBMB	Jumlah Kes Selesai	Jumlah Kutipan Denda Mahkamah
1.	2,400 fail	2,300 kes	2,263 kes	RM10,570.00

TUNTUTAN SIVIL BAGI TUNGGAKAN CUKAI/SEWA DAN PEMBELAAN KES

Bil	Tunggakan Cukai	Tunggakan Sewa	Kes Sivil Yang Diterima
1.	2	4	1

UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)



LATAR BELAKANG

Memastikan pelaksanaan penambahbaikan sistem penyampaian dapat dilaksanakan dengan lebih efisien dan komprehensif demi meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta merangsang pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian awam, pelaksanaan OSC di setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia selaras dengan Keputusan Jemaah Menteri pada 21 Mac 2007. Penubuhan OSC secara rasmi di seluruh Semenanjung Malaysia pada 13 Jun 2007.

Unit Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) telah menerima waran perjawatan pada Jun 2010 dan telah dilaksanakan secara rasminya pada 1 Februari 2011, dengan melantik enam orang pegawai bertaraf tetap.

OBJEKTIF

Menyelaras dan mempercepatkan proses kelulusan Permohonan Pembangunan yang meliputi Permohonan Kebenaran Merancang, Pelan Bangunan, Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Parit, Pelan Landskap Permohonan Nama Taman, Nama Jalan, Permohonan Lampu Jalan, Permit Pembinaan Kecil, Permit Sementara Bangunan, Permohonan CFO, Penyiapan Berperingkat (Pendepositan CCC & Borang G) dan Kepatuhan CCC;

Memendekkan norma masa dan memudahkan cara memproses Permohonan Pembangunan;

Menyeragamkan prosedur dan proses Permohonan Pembangunan dengan mengambilkira perutukkan undang-undang yang ada.

JENIS PERMOHONAN MENGIKUT TEMPOH PIAGAM

Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya diadakan minima 24 kali setahun bagi mempertimbangkan dan memberi keputusan untuk permohonan cadangan pemajuan yang dikemukakan. Permohonan yang diterima oleh Kaunter OSC adalah seperti berikut:-



Bil	Kod	Jenis Permohonan	Definisi	Piagam (ada RT)	Piagam (tiada RT)	Borang
1.	A01	Serentak : PU + KM + PB + PJ	Perihal Tanah (Pecah Sempadan dan Ubah Syarat) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	111	139	Borang1
2.	A02	Serentak : PP + KM + PB + PJ	Perihal Tanah (Penyerahan balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	111	139	Borang1

3.	A03	Serentak : PU + PB + PJ	Perihal Tanah (Pecah Sempadan dan Ubah Syarat) + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	111	111	Borang1
4.	A04	Serentak : PP + KM + PB	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan	108	139	Borang1
5.	A05	Serentak : PU + KM + PJ	Perihal Tanah (Pecah Sempadan + Ubah Syarat) + Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan	111	139	Borang1
6.	A06	Serentak : PP + KM + PJ	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan	111	139	Borang1
7.	A07	Serentak : KM + PB + PJ	Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	80	108	Borang1
8.	A08	Serentak : PU + KM	Perihal Tanah (Pecah Sempadan + Ubah Syarat) + Kebenaran Merancang	108	139	Borang1
9.	A09	Serentak : PP + KM	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang	108	139	Borang1
10.	A10	Serentak : KM + PB	Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan	69	108	Borang1
11.	A11	Serentak : KM + PJ	Kebenaran Merancang + Pelan Kejuruteraan	80	108	Borang1
12.	A12	Serentak : PB + PJ	Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan	80	80	Borang1
13.	A22	Serentak : PU	Perihal Tanah (Pecah Sempadan dan Ubah Syarat)	108	139	Borang1
14.	A23	Serentak : PP	Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula)	108	139	Borang1
15.	A13	Kebenaran Merancang (KM)	Kebenaran Merancang (KM)	57	108	Borang2
16.	A17	Pelan Landskap	Pelan Landskap	57	80	Borang2
17.	A18	Pelan Nama Taman	Pelan Nama Taman	57	80	Borang2
18.	A19	Pelan Nama Jalan	Pelan Nama Jalan	57	80	Borang2
19.	A14	Pelan Kejuruteraan (PJ)	Pelan Kejuruteraan (PJ) termasuk Pelan Kerja Tanah, Pelan Jalan dan Parit, Pelan Lampu Jalan	57	80	Borang3
20.	A15	Pelan Kerja Tanah	Pelan Kerja Tanah	57	80	Borang3
21.	A16	Pelan Jalan dan Perparitan dan Pelan Lampu Jalan	Pelan Jalan dan Perparitan dan Pelan Lampu Jalan	57	80	Borang3
22.	A20	Pelan Lampu Jalan	Pelan Lampu Jalan	57	80	Borang3
23.	A21	Pelan Jalan dan Perparitan	Pelan Jalan dan Perparitan	57	80	Borang3
24.	A24	Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan Dan Perparitan	Pelan Kerja Tanah + Pelan Jalan Dan Perparitan	57	80	Borang3
25.	B1	Pelan Bangunan (PB)	Pelan Bangunan (PB)	37	37	Borang4
26.	B2	Permit Pembinaan Kecil	Permit Untuk Pembinaan Kecil atau Perubahan dan Tambahan Kecil selaras UUK 18, UKBS 1984	69	69	Borang4
27.	B3	Permit Sementara Bangunan	Permit Sementara untuk Bangunan/Struktur Sementara selaras UUK 19, UKBS 1984	69	69	Borang4
28.	B4	Pelan Sanitari	Pelan dikemukakan untuk rekod sahaja	69	69	Borang4

29.	B5	Pelan Konkrit Tetulang	Pelan dikemukakan untuk rekod sahaja	69	69	Borang4
30.	C1	Permohonan CFO	Permohonan melalui pengemukaan Borang E dan Pengeluaran CFO oleh PBT	14	14	Borang5
31.	D1	Penyiapan Berperingkat	Pengemukaan Notis Penyiapan Berperingkat bagi Proses 3 (Notifikasi Mula Kerja), Proses 4 (Pemeriksaan Interim), Proses 5 (Pemeriksaan Akhir) dan Proses 6 (Pendepositan CCC dan Borang G).			Borang6
32.	D2	Ketidakpatuhan CCC	Pengemukaan Laporan Ketidakpatuhan, pemantauan terhadap kerja-kerja pembetulan dan perakuan ke atas kerja pembetulan disiapkan mengikut arahan Jawatankuasa OSC			Borang6
33.	P3	Notifikasi Mula Kerja	Notifikasi Mula Kerja	0	0	Borang6
34.	P4	Pemeriksaan Interim	Pemeriksaan Interim	0	0	Borang6
35.	P5	Pemeriksaan Akhir dan Pengeluaran Surat Pengesahan CCC	Pemeriksaan Akhir dan Pengeluaran Surat Pengesahan CCC	0	0	Borang6
36.	P6	Pendepositan CCC dan Borang G	Pendepositan CCC dan Borang G	0	0	Borang6

Nota :

1. Pelan Nama Jalan, Pelan Nama Taman diturun kuasa PBN kepada PBT.
2. Permit dan Permit Sementara diluluskan oleh Jabatan Teknikal PBT.
3. Pelan Sanitari dan Konkrit Tetulang dikemukakan untuk rekod atau lulus.

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 24 kali Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat MPHTJ telah diadakan. Berikut adalah bilangan permohonan mengikut jenis permohonan yang telah diproses bagi tahun 2020.


**BILANGAN PERMOHONAN MENGIKUT JENIS PERMOHONAN
MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA
BAGI TEMPOH PERMOHONAN DARI 01 JANUARI 2020 HINGGA 31 DISEMBER 2020**

Tempoh Permohonan	Jenis Permohonan	Lulus	Tangguh	Tolak	Jumlah
1 Januari 2020 Hingga 31 Disember 2020	Serentak	10	-	2	12
	Kebenaran Merancang	8	-	2	10
	Pelan Kejuruteraan	12	-	6	18
	Pelan Bangunan	23	2	6	31

JENIS-JENIS PERMOHONAN SERENTAK YANG TERLIBAT BAGI TAHUN 2020

- i. Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan + Pelan Kejuruteraan.
- ii. Perihal Tanah (Pecah Sempadan & Ubah Syarat) + Kebenaran Merancang.
- iii. Perihal Tanah (Penyerahan Balik dan Pemberimilikan Semula) + Kebenaran Merancang.
- iv. Kebenaran Merancang + Pelan Bangunan.

PORTAL OSC (VERSI 3)



LATAR BELAKANG

Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) adalah sebuah jabatan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab mengawal dan menyelaras pelaksanaan OSC Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia. Sebanyak 103 PBT di Malaysia yang terlibat dengan pelaksanaan portal OSC ini. Pegawai OSC kira-kira di 92 PBT mengikut agihan perjawatan yang ditetapkan. Pelaksanaan OSC merupakan inisiatif dikenal pasti oleh Kerajaan bagi mempercepatkan proses kelulusan sesuatu urusan cadangan pemajuan di PBT.

TUJUAN PEMBANGUNAN PORTAL OSC

Portal OSC yang dibangunkan ini bertujuan untuk :-

- i. Memudahkan pengisian beberapa borang laporan yang perlu dilengkapkan oleh semua agensi OSC bagi tujuan pemantauan di peringkat JKT
- ii. Mewujudkan pusat rujukan setempat berkaitan OSC secara online
- iii. Membantu pihak JKT dan agensi OSC dalam menjana laporan dan statistik mengenai pelbagai aspek OSC
- iv. Memantau pembangunan projek dari segi permohonan
 - Tukar Syarat dan Pecah Sempadan
 - Penyerahan dan Pemberimilikan semula
 - Kebenaran Merancang
 - Pelan Bangunan

ASAS PEMBANGUNAN PORTAL OSC

- i. Kelewatan mendapat laporan mengenai pelaksanaan OSC dari agensi OSC
- ii. Borang laporan yang diterima tidak lengkap
- iii. Kesukaran untuk menjana laporan status pelaksanaan OSC

MODUL PORTAL OSC

Portal OSC ini mengandungi beberapa modul bagi tujuan pemantauan di peringkat JKT dan agensi OSC seperti:-

- i. Senarai negeri dan agensi OSC;
- ii. Senarai ketua dan pegawai OSC;
- iii. Senarai agensi tindakan teknikal dalaman dan luaran;
- iv. Senarai pengguna dengan tahap capaian;
- v. Senarai Yang Di Pertua dan Setiausaha setiap PBT berserta profil;
- vi. Jadual kod untuk jenis pemajuan dan jenis permohonan;
- vii. Kemasukan rekod Borang 1 - Borang 5;
- viii. Soalan lazim (prosedur OSC, pengisian borang, manual pengguna);
- ix. Pengumuman dan berita terkini;
- x. Laporan dan statistik (mengikut negeri, tempoh tarikh, jenis permohonan);
- xi. Carian borang mengikut no. rujukan dan nama projek;
- xii. Maklum balas agensi terhadap pelaksanaan dan penambahbaikan OSC (sedang dibangunkan);
- xiii. Forum untuk pegawai OSC dan JKT (sedang dibangunkan); dan
- xiv. Modul tambahan akan ditambah dari semasa ke semasa.

FAEDAH / IMPLIKASI PELAKSANAAN PORTAL OSC

- i. Setiap permohonan mudah direkodkan dan dicapai oleh agensi OSC.
- ii. Pemantauan terhadap permohonan pembangunan projek-projek dapat menjadi lebih sistematik, mudah dan cepat di peringkat agensi OSC sendiri.
- iii. Aksesibiliti secara online memudahkan pengguna bagi membuat capaian ke atas maklumat yang dikehendaki.
- iv. Laporan fizikal dan statistik bulanan akan dapat dijana dengan lebih cepat dan boleh dijana mengikut keperluan.
- v. Permohonan yang telah melewati tempoh piagam akan disenaraikan untuk tindakan segera oleh pegawai OSC.
- vi. Pihak JKT tidak lagi perlu meminta laporan manual setiap bulan dari semua agensi OSC yang telah bersedia secara online.
- vii. Agensi OSC (yang telah online) juga tidak perlu menghantar laporan secara manual kepada JKT.
- viii. Pemohon boleh menyemak status permohonan melalui modul carian.
- ix. Senarai Yang Di Pertua dan Setiausaha dipaparkan untuk rujukan semua PBT dan orang awam.

OSC ONLINE

OSC Online sebuah platform dalam talian yang digunakan oleh pihak PBT untuk memproses cadangan kawalan pemajuan. Sistem ini akan melibatkan 2 modul utama iaitu e-Penyerahan dan e-Pemprosesan disamping 7 modul berkaitan yang lain. Sistem OSC Online ini membolehkan Principal Submitting Person (PSP) / Submitting Person (SP) memuatnaik permohonan berkenaan kawalan pemajuan secara dalam talian terus kepada PBT pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

PENGGUNA OSC ONLINE IALAH:

- Orang Awam
- Orang Berkelayakan Yang Mengemukakan Permohonan
- Urus setia OSC
- Jabatan-jabatan Teknikal Dalaman PBT
- Jabatan/ Agensi Teknikal Luaran


MODUL-MODUL DALAM OSC ONLINE:

- e-Permohonan
- e-Permintaan Perkhidmatan
- e-Rujukan
- e-Panduan
- e-Tanya
- e-Aduan
- e-Bayaran
- e-Kad Laporan



OSC 3.0

Mesyuarat Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan ke-67 yang bersidang pada 4 Mac 2014 telah bersetuju untuk menguatkuasakan pemakaian OSC 3.0 mulai 1 Jun 2014. Pada tahun 2014 model OSC telah ditambahbaik bagi meningkatkan keberkesanan proses kelulusan pembangunan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan agensi teknikal luaran. Berikut adalah Rajah Model Baru OSC 3.0 melibatkan 6 Proses Utama.



P1 – PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT TEKNIKAL

- Aktiviti pengumpulan maklumat teknikal diselaras dan dipantau dalam tempoh 14 hari.
- Interaksi di antara Pemohon dan agensi tanpa OSC.
- Maklumat teknikal terkini membantu melengkapkan permohonan sebelum pengemukaan formal.
- Membantu mempercepatkan proses pertimbangan sekaligus mengurangkan masa menunggu (waiting cost) pelabur.
- Pemohon digalakkan untuk mendapatkan data teknikal daripada 4 agensi kerana data-data yang berada di 4 agensi ini tidak dipapar di mana-mana laman web.
- Mengurangkan risiko pindaan pelan yang major.
- Maklumat teknikal boleh diperolehi dari agensi lain.
- Tempoh sah laku maklumat teknikal di hadkan kepada 6 bulan dari tarikh data diperolehi dan pemohon tidak akan dikenakan syarat baru sekiranya mengemukakan permohonan dalam tempoh ini.
- Proses ini tidak mandatori

P2 – PROSES PERTIMBANGAN PELAN-PELAN

- Single piece flow – permohonan dikemukakan melalui OSC dan keputusan dikeluarkan melalui OSC.
- Keputusan dan pelan-pelan yang telah diendos dipulangkan kepada Pemohon oleh OSC.
- Rujukan yang seragam digunakan oleh pelabur dalam menyediakan permohonan dan agensi teknikal dalam menyemak pematuhan. (Manual Agensi / Manual Pemohon diperolehi dari laman web JKT)
- Pengurangan kepada satu prosedur sahaja.
- Pengurangan masa menunggu pelabur.

Pelan Laluan Utiliti dan Permit Korek Jalan

- PSP selaras penyediaan Pelan Laluan Utiliti mengambilkira jajaran TNB, PBAN, SKMM dan APP (IWK/MAJAARI)
- Kemukakan pelan melalui OSC. OSC edar kepada TNB, PBAN, SKMM dan APP (IWK/MAJAARI) untuk makluman.
- OSC edar kepada Jabatan Kejuruteraan PBT atau JKR (sekiranya terlibat) untuk dapatkan izin lalu dan permit korek jalan.

Pelan Laluan Utiliti dan Permit Korek Jalan

- PSP mohon permit korek jalan dan PSP bertanggungjawab untuk selaras dan pantau kualiti kerja.

Pelan Utiliti Terperinci

- OSC terima dan edar kepada syarikat pemberi khidmat utiliti .
- Syarikat Pemberi Khidmat Utiliti luluskan.

P3 – PROSES PEMBERITAHUAN MULA KERJA

- Pemberitahuan 4 notis serentak kepada OSC (keperluan undang-undang)
- Senarai serentak lain adalah keperluan pentadbiran (tidak mandatori)
- Notifikasi – tiada elemen penolakan.
- Tiada Sijil Tanah – Pemakluman awal kepada PTN.
- Tiada pengesahan caruman infrastuktur – Pemakluman awal kepada Jabatan Perancang.
- Merupakan check point terakhir sebelum projek dimulakan.
- Isu-isu tanah premium dijelaskan dan caruman dijelaskan.

P4 – PROSES PEMERIKSAAN INTERIM

- Pemohon memaklumkan peringkat interim.
- Pemeriksaan secara rawak.
- Pemeriksaan secara spot-check mengurangkan interaksi formal di antara pelabur dan agensi.
- Hanya 6 agensi sahaja yang terlibat selaras undang-undang tetapi tiada halangan untuk PBT atau agensi lain untuk melaksanakan pemeriksaan interim.
- Skop Kerja Agensi:-
 - TNB: Pencawang siap dan sedia diserahkan kepada TNB
 - PBAN: Bersedia untuk melakukan sambungan.
 - PBT/JKR: Periksa crusher run, premix, california bearing ratio
 - APP: Sistem pembentungan siap dipasang.
 - DOSH: Semak JKJ105 dan periksa keselamatan dan kesihatan di tapak
 - JBPM: Sistem Aktif siap dipasang.

P5 – PROSES PEMERIKSAAN AKHIR

- Proses pemeriksaan akhir yang diselaras dan dipantau.
- PSP memohon pemeriksaan akhir
- PSP kemukakan bersama Laporan T&C
- Pengujian dan pentauliahan sistem dilakukan oleh pemohon bersandarkan konsep self-regulation sebelum permohonan Pemeriksaan Tapak Akhir.
- Agensi terima notis bersama Laporan T&C
- Agensi punya peluang untuk semak sebelum lawatan tapak pemeriksaan akhir.
- Pemeriksaan Akhir Peringkat I diasingkan dari Peringkat II supaya sebarang ujian dan pentauliahan dilaksanakan berdasarkan design load.
- Proses pengeluaran surat pengesahan yang diselaras dan dipantau mengikut tempoh masa yang ditetapkan.
- Pengesahan CCC boleh dikeluarkan oleh agensi pada hari yang sama.

P6 – PROSES PENDEPOSITAN CCC DAN BORANG G

- PSP deposit dua (2) salinan CCC dan dua (2) salinan Borang-borang G kepada OSC dalam tempoh 14 hari setelah CCC dikeluarkan.
- Tiada elemen penolakan CCC oleh OSC.
- Tindakan selaras undang-undang boleh diambil oleh PBT bagi sebarang ketidakpatuhan yang dikenalpasti oleh PBT selepas CCC dikeluarkan.
- 2 prosedur dikurangkan menjadi 1 prosedur.
- Pengurangan interaksi dan penjimatan masa.

UNIT AUDIT DALAM



PENGENALAN

Unit Audit Dalam (UAD), Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya ditubuhkan selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, Surat Ketua Setiausaha Perbendaharaan bertarikh 5 Mei 2009 dan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PS 3.2/2014 yang menggariskan pelaksanaan Unit Audit Dalam di semua Jabatan Kerajaan Persekutuan/Negeri.

Penubuhan utama Unit ini adalah bertujuan untuk membantu pihak pengurusan bagi mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan pentadbiran dan kewangan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya dan memastikan program serta aktiviti diuruskan dengan lebih berekonomi, cekap dan berkesan.

Pada tahun 2020, UAD telah melaksanakan pengauditan merangkumi pengauditan pengurusan kewangan, pengauditan prestasi/aktiviti dan pengauditan khas / siasatan. Pengauditan prestasi di mana pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan seperti diharapkan oleh stakeholders di samping memastikan value for money dan pengurangan pembaziran sumber/dana dan pengauditan pematuhan, di mana undang-undang, peraturan dan piawaian yang diguna pakai adalah dipatuhi serta harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta kewajipan perkongsian maklumat secara telus dipenuhi.

Hasil pengauditan telah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan dan Unit melalui surat pemerhatian Audit bagi mendapatkan maklum balas seterusnya dari pihak auditi. Bagi memastikan tindakan diambil oleh pihak auditi, UAD telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit yang bersidang 4 kali setahun yang dipengerusikan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

OBJEKTIF UTAMA

Objektif utama UAD ditubuhkan adalah untuk membantu organisasi Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Melaka mencapai matlamatnya melalui pendekatan sistematik dan berdisiplin untuk menilai serta menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

Peningkatan penambahbaikan sistem penyampaian dan urus tadbir Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Melaka serta pengukuhan integriti dan budaya kerja yang positif bagi setiap anggota akan terus diberi keutamaan dalam memastikan visi dan misi Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya tercapai. Bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam cemerlang dapat dicapai, tadbir urus yang terbaik di kalangan perkhidmatan awam amat penting. Tadbir urus terbaik perlu memberi penumpuan terhadap dua aspek berikut:-

- a) **PRESTASI** - pengurusan pencapaian adalah kritikal untuk menyampaikan perkhidmatan secara cekap dan berkesan seperti yang diharapkan oleh **stakeholders** di samping memastikan **value for money** dan pengurangan pembaziran sumber dana dan
- b) **PEMATUHAN** - setiap Agensi mematuhi undang-undang, peraturan, piawaian diguna pakai dan harapan masyarakat terhadap amalan kejujuran, akauntabiliti dan integriti serta kewajipan perkongsian maklumat secara telus

Laporan ini mengandungi hasil pengauditan dan penemuan dibangkitkan serta syor penambahbaikan yang perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak yang terlibat untuk memberi gambaran sejauh mana tindakan susulan dan pembedahan diambil.

INTISARI LAPORAN

Laporan tahunan ini dikeluarkan adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya mengenai aktiviti Pengauditan serta lain-lain aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam sepanjang tahun 2020. Laporan ini terbahagi kepada 4 Unit. Intisari setiap Unit adalah seperti berikut:-

UNIT I: PENDAHULUAN

Unit ini melaporkan fungsi, bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan struktur organisasi Unit Audit Dalam, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Melaka

UNIT II: PENCAPAIAN PENGAUDITAN BERBANDING DENGAN RANCANGAN YANG DILULUSKAN

Unit ini melaporkan tahap pencapaian kerja Unit Audit Dalam berbanding dengan rancangan yang diluluskan

UNIT III: LAPORAN PENGAUDITAN PRESTASI DAN PENAMPILAN AUDIT

Pada tahun 2020 sebanyak 5 aktiviti pengauditan prestasi telah dijalankan di semua 15 buah Jabatan/Unit di MPHTJ bertujuan untuk memastikan segala proses kerja yang dijalankan di setiap jabatan mematuhi akta, undang-undang kecil MPHTJ, Pekeliling Perbendaharaan, peraturan dan dasar yang telah digunapakai oleh MPHTJ

UNIT IV: ANALISA DAN SUSULAN LAPORAN JABATAN AUDIT NEGARA

UAD telah membuat tindakan susulan bagi memastikan Jabatan dan Unit di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya telah mengambil tindakan pembetulan berdasarkan teguran yang telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara

Adalah diharapkan Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti serta integriti di dalam pengurusan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya.

FUNGSI

- 1) Menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam
- 2) Menjalankan pengauditan, melaporkan hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan
- 3) Analisa ke atas Laporan Ketua Audit Negara terhadap ketidakpatuhan utama
- 4) Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Bermesyuarat 4 kali setahun
- 5) Membuat pemeriksaan mengejut AP 309 bersama Yang Dipertua

PENCAPAIAN PENGAUDITAN UNIT AUDIT DALAM TAHUN 2020

Bagi tahun 2020, UAD telah mencapai sasaran pengauditan seperti yang telah di rancang. Berikut adalah senarai Jabatan dan Unit yang telah selesai di audit oleh Unit Audit Dalam. Antaranya:-

Pengauditan Prestasi di Jabatan dan Unit MPHTJ

Bil	Pengauditan
1	Pengauditan Khas SWM bersama MPHTJ
2	Pengauditan Khas Jualan Tiket Pengunjung Zoo Melaka
3	Pengauditan Elaun Lebih Masa dan Elaun Perjalanan dan Sara Hidup (Semua Jabatan dan Unit)
4	Pengauditan Unit Penswastaaan
5	Pengauditan PPSPA (SWCorp)

Pemeriksaan Mengejut AP 309 Bersama Yang Dipertua

Bil	Pengauditan
1	Membuat pemeriksaan mengejut dalam tempoh setiap 6 bulan melibatkan wang tunai di kaunter, panjar wang runcit dan setem

Analisa ke atas Laporan Ketua Audit Negara terhadap Ketidakpatuhan Utama

Bil	Pengauditan	Tarikh Audit Susulan
1	Pengauditan oleh Jabatan Audit Negara	Tiada

UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)



PENGENALAN

Unit Pesuruhjaya Bangunan Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) telah mula ditubuhkan pada 1 Januari 2010 dengan melantik Pesuruhjaya, Timbalan Pesuruhjaya dan pegawai lain di bawah Seksyen 4 Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 (Akta 663). Walau bagaimanapun, Akta 663 telah dimansuhkan dan telah digantikan kepada Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) yang berkuatkuasa pada 01 Jun 2015 dengan elemen penambahbaikan terhadap Akta yang terdahulu.

Pewujudan Unit Pesuruhjaya Bangunan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya melalui Waran Perjawatan Bil P88 Tahun 2010 bertarikh 08 Jun 2010. Pihak Berkuasa Negeri telah membuat perantukan Pesuruhjaya Bangunan bagi kawasan Hang Tuah Jaya Tahun 2010 melalui surat Jabatan Ketua Menteri pada tarikh 21 April 2010 selaras dengan Seksyen 4 Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) telah mula berfungsi pada 1 Julai 2010 dibawah pengurusan Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, MPHTJ. Namun bermula Tahun 2013 Unit Pesuruhjaya Bangunan telah diletakkan di bawah Pejabat Yang Dipertua.

Unit ini berperanan untuk mengawal selia kesempurnaan penyenggaraan dan pengurusan bangunan terutamanya pada harta bersama, membantu menyelesaikan pertelingkahan yang timbul dan menguatkuasakan peruntukan undang-undang berpandukan kuasa Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757). Hal ini selaras dengan usaha gigih MPHTJ dalam mengurus tadbir dan memastikan Hang Tuah Jaya membangun menjadi sebuah Bandaraya Pintar dari aspek pentadbiran, perkhidmatan dan perekonomian yang ideal untuk belajar, bekerja, mendiami dan berekreasi seiring gagasan 1 Malaysia. Perancangan yang teliti dan bersistematik akan menjadikan kawasan Perbandaran ini kawasan persekitaran yang selamat, kondusif dan dapat mempertingkatkan kualiti kehidupan penduduknya.

MISI

Semuakawasan pemajuan berstrata mempunyai badan pengurusan yang dapat menjalankan pengurusan & penyenggaraan bangunan dan harta bersama dengan baik.

VISI

Kehidupan yang berkualiti, harmoni dan selesa bagi kawasan pemajuan berstrata.

OBJEKTIF


Memastikan penyenggaraan harta bersama dilaksanakan secara teratur dan tersusun berdasarkan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan bagi mewujudkan suasana yang bersih dan harmoni dalam kehidupan perkongsian harta bersama bagi pembangunan bertingkat.

FUNGSI


- Mewujudkan dan mengemaskini inventori (pengkalan data) semua kawasan pemajuan di kawasan Hang Tuah Jaya.
- 'Platform' untuk menyelaraskan segala aduan bangunan berstrata dan mengambil tindakan penyelesaian aduan awam berkaitan Akta 757.
- Memantau penubuhan JMB/MC di semua kawasan pemajuan berstrata di Hang Tuah Jaya.
- Menyelaras peralihan pihak pengurusan (Pemaju-JMB-MC).
- Memantau Akaun Pengurusan Bangunan setiap pihak pengurusan yang diperakui.

Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) telah diketuai oleh seorang Pegawai Penilaian (W41) dan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Penilaian (W29), seorang Penolong Akauntan (W29), seorang Pembantu Penilaian (W19) dan seorang Pembantu Tadbir Pengkeranian dan Operasi (N19).

CARTA ORGANISASI UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN (COB) MPHTJ



JAWATANKUASA BERTINDAK BANGUNAN BERSTRATA MPHTJ



PENCAPAIAN 2020

PENGELUARAN NOTIS PERINGATAN KEPADA PEMILIK

Tarikh Terima	Jumlah Bil	Pemaju / JMB / MC
-	9 Notis	Notis Mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kepada Pemilik Petak Badan Pengurusan Bersama Taman Padang Balang Lot 15110, Mukim Batu Berendam Melaka.
-	134 Notis	Notis Makluman Mengenai Kegagalan Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bagi Peadanan Pengurusan Rumah Pangsa Batu Berendam Lot 5604 (Blok A Dan B), Mukim Batu Berendam Melaka.
-	150 Notis	Notis Makluman Mengenai Kegagalan Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bagi Peadanan Pengurusan Rumah Pangsa Batu Berendam Lot 2124 (Blok C Dan D), Mukim Batu Berendam Melaka.
-	32 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan IM Global Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Kondominium Tiara, Mukim Bukit Katil, Melaka.
-	40 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan IM Global Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Rumah Pangsa Ayer Keroh Height 1, Mukim Bukit Katil, Melaka.
-	24 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan IM Global Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Taman Batu Berendam Putra Blok A (Lot 13494), Mukim Batu Berendam, Melaka.
-	20 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan IM Global Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Taman Batu Berendam Putra Blok C (Lot 13499), Mukim Batu Berendam, Melaka.
-	20 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan IM Global Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Taman Batu Berendam Putra Blok D (Lot 13497), Mukim Batu Berendam, Melaka.
-	18 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan IM Global Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Rumah Kedai Taman Sri Bayan Blok A, Mukim Durian Tunggal, Melaka.
-	16 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan IM Global Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Rumah Kedai Taman Sri Bayan Blok D, Mukim Durian Tunggal, Melaka.
-	20 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan IM Global Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Rumah Kedai Taman Sri Bayan Blok E, Mukim Durian Tunggal, Melaka.
-	99 Notis	Notis Makluman Berkaitan Pengurusan Dan Penyenggaraan Di Kawasan Pemajuan Berstrata Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Melaka.
-	74 Notis	Notis Makluman Mengenai Penamatan Noor Hana Enterprise Selaku Ejen Pengurusan Di Kawasan Pemajuan Rumah Bandar Taman Seri Bayan Lot 6754, Mukim Durian Tunggal, Melaka.

PENGELUARAN NOTIS KEPADA PEMAJU / JMB / MC

Tarikh Terima	Jumlah Bil	Pemaju / JMB / MC
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan The Tropicana Residences @ Taman Sentosa, PT 6023, Mukim Bukit Baru Melaka.
-	1 Notis	Notis Bagi Mengkehendaki Pemaju Membayar Deposit Untuk Membaiki Kecacatan Pada Harta Bersama Bagi Kawasan Gold Coast Malacca International Resort, Mukim Bukit Katil Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Gold Coast Malacca International Resort, Mukim Bukit Katil Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Bandar Taman Angsa Mas, Lot 9019 Mukim Durian Tunggal Melaka.
-	1 Notis	Notis arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Kip Utama, PT 6787, Mukim Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Pusat Perniagaan Malam Permai, PT 6749, Mukim Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Pangsa Taman Sutera Wangi, Batu Berendam, Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Kedai Pejabat Kip Utama, Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Bukit Melaka PT 8092, Bukit Baru, Melaka.
-	1 Notis	Notis Mengeluarkan Borang 26 (Menentukan Jumlah Deposit Untuk Membaiki Kecacatan Pada Harta Bersama) Kepada Tetuan Projek Impiana Sdn Bhd Bagi Kawasan Pemajuan Kedai / Pejabat kip Utama, Mukim Bachang, Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Bayaran Deposit Oleh Pemaju Untuk Membaiki Kecacatan Pada Harta Bersama Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kluster Taman Kasawari PT 9914, Durian Tunggal Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Bayaran Deposit Oleh Pemaju Untuk Membaiki Kecacatan Pada Harta Bersama Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kluster Taman Kasawari PT 9915, Durian Tunggal Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5248 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5249 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5250 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5251 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5252 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5253 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5254 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5258 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5261 Bachang Melaka.

-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5262 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5263 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5264 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5265 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Kedai / Pejabat Malim Permai Lot 5667 Bachang Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Pangsapuri Bukit Beruang Permai 1, Lot 8552, Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Pangsapuri Bukit Beruang Permai, Seksyen 1, Lot 11657 Melaka.
-	1 Notis	Notis Makluman Mengenai Kegagalan Pembentukan Jawatankuasa Pengurusan Bagi Badan Pengurusan Bersama Taman Padang Balang Lot 15110, Batu Berendam Melaka.
-	51 Notis	Notis Ikrar Integriti Bagi Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB) / Perbadanan Pengurusan (MC) / Perbadanan Pengurusan Subsidiari (SUB-MC).
-	1 Notis	Notis Perakuan Penubuhan Badan Pengurusan Bersama Dan Teguran Minit Mesyuarat Agung Bagi Pusat Perniagaan Putra Sentosa PT 22, Bukit Baru Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan The Tropicana Residence @Taman Sentosa, Bukit Baru, Melaka.
-	33 Notis	Pemberian Geran Kepada Badan Pengurusan Bagi Kategori Kos Rendah Dan Kos Sederhana Rendah.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Pangsapuri Perumahan Rakyat TEHEL PT 9809, Mukim Ayer Panas Melaka.
-	1 Notis	Notis Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Penyerahan Balik Dan Pemberi Milikan Semula Bagi 'Guarded Neighbourhood' Di Atas Lot 29157 (Fasa 1, Kawasan Berpagar 2), Mukim Bukit Katil, Melaka.
-	1 Notis	Notis Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Penyerahan Balik Dan Pemberi Milikan Semula Bagi 'Guarded Neighbourhood' Di Atas Lot 29157 (Fasa 3, Kawasan Berpagar 5), Mukim Bukit Katil, Melaka.
-	101 Notis	Notis Makluman Lawatan Pemeriksaan Penggredan Sistem Penarafan Bintang Bagi Semua Kawasan Pemajuan Berstrata Di Dalam Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya Melaka.
-	1 Notis	Notis Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Bayou Lagoon Park Resort, Mukim Bukit Katil, Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Mengemukakan Dokumen Bagi Kawasan Pemajuan Rumah Pangsa Taman Bukit Melaka, Lot 26296 Mukim Bukit Baru Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Untuk Mengemukakan Laporan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Sri Utama, Taman Tasik Utama, Mukim Bukit Baru Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Untuk Mengemukakan Rekod Bagi Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Sri Utama, Taman Tasik Utama, Mukim Bukit Baru Melaka.
-	1 Notis	Notis Arahan Untuk Mengemukakan Laporan Penyata Kewangan Beraudit Bagi Badan Pengurusan Bersama Pangsapuri Bukit Beruang Permai 1, Lot 8552, Mukim Bukit Baru Melaka.

GAMBAR AKTIVITI

SEMINAR PENTADBIRAN DAN PENGURUSAN AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757) KEPADA PIHAK PENGURUSAN (TAHUN 2020)



UNIT TEKNOLOGI HIJAU



AKTIVITI / PROGRAM 2017

BENKEL LOW CARBON CITIES FRAMEWORK (LCCF) 2020

- Tarikh : 22 Mei 2020
 Masa : 8.30 Pagi – 5.00 Petang
 Tempat : Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, Melaka
 Perasmi : Y.Bhg Clr Rahmad Bin Mariman, Ketua Whip MPHTJ mewakili
 Y.Bhg Datuk TPr Hj. Murad Bin Hj. Husin, Yang Dipertua MPHTJ
- Objektif : Sebagai satu platform untuk 'engagement' dengan semua pihak yang terlibat di dalam pelaksanaan program LCCF ini dan memberi kefahaman berkenaan status kemajuan semasa dan perancangan akan datang.
- Penglibatan : Seramai 37 orang peserta terlibat di dalam bengkel ini merangkumi 14 wakil bangunan yang terlibat di bawah sub-kriteria Low Carbon Building, 3 wakil Pihak Berkuasa Tempatan Melaka dan jabatan teknikal dalaman MPHTJ.



PROGRAM PEMINDAHAN ILMU / KNOWLEDGE TRANSFER PROGRAM (KTP)

- Kerjasama strategik antara MPHTJ dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dalam menjalankan Program Pemindahan Pengetahuan: Sistem Pengangkutan Darat.
- Jangkamasa projek selama 2 tahun (Jan 2016 – Disember 2017)
- Sesi satu-satu antara akademia UTeM dan staf teknikal MPHTJ (24-25 Februari 2017)



- Taklimat ringkas Sistem Pengangkutan Darat Mampan kepada Ahli-ahli Majlis MPHTJ



PROGRAM KERJASAMA ANTARA MPHTJ DENGAN KEMAS PARLIMEN BUKIT KATIL

Objektif : Merupakan sebahagian daripada inisiatif hijau mphtj dan salah satu pendekatan MPHTJ untuk mendekati masyarakat tempatan khususnya kaum wanita.
: Mengurangkan masalah lambakan banting / banner di MPHTJ

Lawatan kerja ke Pusat Jahitan Kampung Tun Razak, Bukit Katil



MAJLIS PELANCARAN LOKASI RINTIS PREMIS MAKANAN HIJAU DAN SISTEM PENCERNAAN ANAEROBIN (AD)

Tempat : Pentas Utama, Kompleks Melaka Mall



PENCAPAIAN 2020

ANUGERAH 1ST APEC LOW-CARBON MODEL TOWN SYMPOSIUM

Tajuk Kajian : Perlaksanaan Perbandaran Rendah Karbon



ANUGERAH THE INTERNATIONAL GREEN APPLE AWARDS 2020

Tajuk Kajian : Planning and Development Hang Tuah Green City